

CNS8223

R GB 13-10 00189 BH122

BAH

SISTEM SARAAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM UNTUK CAPAI WAWASAN 2020

Gaji (Analisis Berita) ..

I

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Tindakan kerajaan memperkenalkan sistem gaji yang fleksibel untuk perkhidmatan awam semalam, yang disifatkan oleh Cuepacs sebagai '+luar biasa+', merupakan langkah penting ke arah mencapai Wawasan 2020-nya.

Dengan mencontohi sistem gaji sektor swasta, sistem upah baru atau Sistem Saraan Baru (SSB), yang mengkaitkan kenaikan gaji dengan prestasi pekerja serta kedudukan kewangan kerajaan, memberi motivasi kepada kakitangan awam untuk bekerja dengan lebih gigih.

+Kita tidak mahu lagi kakitangan awam yang bekerja hanya mengikut masa,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan akhbar semalam untuk mengumumkan butiran mengenai SSB dan struktur baru perkhidmatan awam, yang berkuatkuasa mulai 1 Jan tahun depan.

Mereka ini, kata Perdana Menteri, hanya datang bekerja dan menjalankan tugas harian yang biasa serta tidak ambil peduli terhadap apa yang berlaku di sekeliling. Tetapi, SSB akan membantu menghapuskan sikap negatif itu.

Mengikut sistem baru ini, semua kakitangan kerajaan perlu menghalakan sumbangan mereka ke arah pertumbuhan ekonomi negara, yang akan menentukan sama ada mereka layak menerima bonus. -- Lagi.

♥13/10/13-47MST

CNS8232

R GB 13-10 00202 BH125

BAH

Gaji 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kakitangan kerajaan kini perlu mencontohi pencapaian sektor swasta kerana jika sektor itu gagal dan pendapatan kerajaan merosot, tiada bonus untuk 880,000 kakitangan kerajaan.

Sambil berkata bahawa sistem itu sebagai sebahagian daripada konsep Persyarikatan Malaysia, beliau berkata: '+Kejayaan sektor swasta akan menjadi kejayaan sektor kerajaan juga+.

Secara ringkasnya, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991 berkata, kerajaan sedang menerapkan sedikit nilai komitmen sektor swasta ke dalam sektor awam.

Beliau menegaskan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, negara perlu mengekalkan kadar pertumbuhan sebanyak tujuh peratus bagi 30 tahun akan datang dan ini memerlukan komitmen sepenuhnya daripada kedua-dua sektor swasta dan awam.

Perdana Menteri berkata, sistem gaji dan skim perkhidmatan sekarang, yang berdasar kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, tidak lagi sesuai untuk Malaysia yang berkembang ke arah sebuah negara perindustrian.

Sistem gaji fleksibel akan menjadi sistem ganjaran mengikut 19 perkhidmatan baru yang dikategorikan daripada 574 skim yang ada kini.

Setiap kategori akan menyediakan Jadual Gaji Matrix, yang membolehkan para pekerja mendapat kenaikan tahunan berganda dan peluang kenaikan pangkat yang lebih baik berdasarkan prestasi individu. -- Lagi.

♥13/10/14-27MST

R GB 13-10 00196 BH126

BAH

Gaji 3 Kuala Lumpur

Walaupun butiran muktamad masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perdana Menteri berkata: +Mereka yang cekap dan mempunyai pengalaman yang luas akan mendapat ganjaran. Lebih banyak anda bekerja, lebih banyak pula yang anda perolehi+.

Yang paling penting, struktur perkhidmatan baru, yang menyediakan kenaikan segera gaji antara lapan dan 10 peratus kepada semua kakitangan kerajaan juga tidak akan mengutamakan sijil kelayakan, sebaliknya memberi pengiktirafan terhadap bakat, kaliber, pengalaman dan kemahiran.

ia juga menyediakan insentif sementara kepada perkhidmatan tertentu yang disifatkan sebagai perkhidmatan kritikal seperti doktor dan jururawat bagi menyekat hasrat mereka untuk berpindah ke sektor swasta.

Walaupun ia mempunyai tujuan komersil, SSB ini tidak mengetepikan matlamat masyarakat penyayang dengan menyediakan pelbagai insentif sosial seperti meluaskan lagi kemudahan perubatan kepada ibu bapa kakitangan.

Apa yang jelas mengenai SSB ini dan struktur perkhidmatan awam ialah ia dicadangkan sendiri oleh kerajaan atau lebih tepat jawatankuasa khas kabinet yang antara anggotanya terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha. -- Lagi.

♥13/10/14-34MST

R GB 13-10 00163 BH131

BAH

Gaji 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Semua pemimpin kesatuan sekerja yang menghadiri mesyuarat dengan Datuk Seri Dr Mahathir agak terkejut dengan keputusan kerajaan itu. Presiden Cuepacs, Mohamad Abas berkata ia sesuatu yang luar biasa.

+Ini satu tindakan berani kerajaan. Tetapi ia sangat disambut baik,+ kata Encik Mohamad ketika diminta mengulas mengenai perkara ini.

Persekutuan Kakitangan Malaysia (MEF), yang berkempen untuk mendapatkan sistem gaji fleksibel bagi keseluruhan sektor swasta tetapi menghadapi tentangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mewujudkan sistem berkenaan dalam sektor awam.

Sambil berkata bahwa tindakan itu sudah kena pada masanya, pengarah eksekutif MEF, Encik Zain Majid berkata: +Saya gembira kerajaan mengasaskan sistem ini dalam perkhidmatan awam dan berharap MTUC akan membuka matanya.

+Saya harap MTUC dapat menilai bahawa sistem gaji perlu mengambil kira kecekapan, keupayaan syarikat membayar gaji serta keuntungannya,+ tambahnya.

Sistem yang fleksibel ini sudah tentu menggalakkan produktiviti yang lebih tinggi,+ tambahnya. -- Bernama.

♥13/10/16-12MST